

7.8.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

PBA HOLDINGS MENANG DUA ANUGERAH BERKAITAN PENYENARAIAN AWAM

- **Keuntungan Selepas Cukai (PAT) Tertinggi selama 3 tahun**
- **Pulangan Tertinggi kepada Pemegang Saham selama 3 tahun**
- **“The Edge Centurion Club Awards 2025” bagi syarikat tersenarai awam dalam sektor telekomunikasi, media & utiliti dengan modal pasaran di bawah RM1 bilion.**

PULAU PINANG, Khamis, 7.8.2025: PBA Holdings Bhd (PBAHB) telah menerima dua anugerah atas pencapaian cemerlang daripada *The Edge*, sebuah organisasi berita kewangan Malaysia yang terkemuka dan berwibawa.

Anugerah “*The Edge Centurion Club Awards 2025*” yang diterima adalah bagi kategori:

- “Pertumbuhan Tertinggi dalam Keuntungan Selepas Cukai (PAT) selama 3 tahun, dan
- “Pulangan Tertinggi kepada Pemegang Saham selama 3 tahun”,

bagi kategori telekomunikasi, media dan utiliti untuk syarikat tersenarai awam dengan modal pasaran di bawah RM1 bilion. PBAHB ialah syarikat induk kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP). PBAPP merupakan operator bekalan air berlesen holistik bagi Negeri Pulau Pinang.

YB Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, telah menyampaikan anugerah tersebut kepada delegasi PBAHB semasa majlis makan malam di The Hilton Kuala Lumpur pada hari Selasa (5.8.2025).

Prestasi PBAHB (2022 – 2024)

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kewangan yang dilaporkan oleh PBA Holdings Bhd (PBAHB) bagi tiga tahun kewangan yang lalu adalah seperti berikut:

KPI		2022	2023	2024
1.	Keuntungan Bersih	RM77.1 juta	RM34.3 juta	RM144.2 juta
2.	Dividen	3.0 sen sesaham	3.5 sen sesaham	4.5 sen sesaham

Konteks Anugerah

Sejak penyenaraianya di Papan Utama Bursa Malaysia pada tahun 2002, PBA Holdings Bhd (PBAHB) telah memberikan ganjaran tahunan kepada para pemegang sahamnya. Tahun 2025 menandakan tahun ke-24 berturut-turut di mana syarikat ini membayar dividen kepada mereka.

Anugerah “Pulangan Tertinggi kepada Pemegang Saham selama 3 tahun” bagi tahun 2025 merupakan kali ketiga anugerah seumpamanya diterima oleh PBAHB daripada *The Edge*. PBAHB sebelum ini memenangi anugerah yang sama pada tahun 2019 dan 2023.

Memandangkan anugerah ini mengiktiraf pencapaian tri-tahunan, kejayaan kali ketiga ini mencerminkan hakikat bahawa PBAHB telah memberikan pulangan dividen terbaik kepada pemegang saham dalam tempoh 9 tahun yang lalu, berbanding semua syarikat tersenarai awam dalam sektor telekomunikasi, media dan utiliti di Malaysia (dengan modal pasaran di bawah RM1 bilion).

Anugerah “Keuntungan Selepas Cukai (PAT) Tertinggi selama 3 tahun” pula merupakan anugerah baharu bagi PBAHB. Oleh kerana bekalan air merupakan industri perkhidmatan awam yang dikawal selia secara ketat di Malaysia, PBAHB bukanlah sebuah syarikat yang berorientasikan keuntungan semata-mata.

Namun begitu, anugerah ini membuktikan bahawa sebuah organisasi bekalan air yang profesional, bertanggungjawab dan kukuh dari segi kewangan mencatat pencapaian cemerlang dalam aspek keuntungan sebagai sebuah syarikat tersenarai awam. Anugerah ini akan menjadi inspirasi kepada PBAHB untuk terus mencapai prestasi lebih tinggi dari segi keuntungan agar kami dapat terus memberi ganjaran kepada para pemegang saham serta menjana dana yang mencukupi untuk kerja-kerja bekalan air yang mendesak di Pulau Pinang demi menambah baik perkhidmatan bekalan air.

Penghargaan

Kedua-dua anugerah ini merupakan hasil kerja keras dan komitmen tinggi pasukan PBA dengan warga kerja seramai 1,511.

Penghargaan turut diberikan kepada bimbingan berwibawa daripada Lembaga Pengarah PBAPP dan PBAHB yang diketuai oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Terima kasih

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my